

## **KEFAHAMAN TENTANG KONSEP PENGIMARAHAN MASJID SEBAGAI INSTITUSI ISLAM: PENGALAMAN TERHADAP MASJID YANG TERPILIH DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh:

Mohd Nizho Abdul Rahman<sup>1</sup>  
Solahuddin Abdul Hamid  
Solahuddin Ismail  
Mohd Sobhi Ishak

Universiti Utara Malaysia  
nizho@uum.edu.my

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang konsep pengimarahkan Masjid yang berperanan sebagai Institusi Islam sejak sekian lama. Kajian ini juga melibatkan masjid yang terpilih di Semenanjung Malaysia sebagai satu perkongsian pengalaman yang dilalui oleh pihak pengurusan masjid. Kefahaman terhadap konsep pengimarahkan masjid selalunya disalah tafsirkan oleh sesetengah pihak dalam masyarakat Islam. Ini menjadikan konsep tersebut hanya berlegar pada ruang lingkup yang sangat terbatas. Sedangkan konsep Imarah Masjid ini mencakupi pelbagai bidang samada politik, ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan memfokuskan tentang kefahaman konsep pengimarahkan masjid yang bermula semenjak zaman Rasulullah S.A.W lagi. Selain itu, kajian ini turut mengenengahkan pengalaman pengimarahkan masjid di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia yang telah terpilih menjadi masjid yang terbaik. Justeru, masjid-masjid ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur terhadap kefahaman yang sebenar tentang konsep pengimarahkan. Usaha untuk memperkasakan masjid melalui konsep imarah adalah suatu yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang berwajib secara khususnya dan masyarakat Islam secara amnya. Bagi memperolehi maklumat dan data berkaitan kajian, maka responden yang terlibat adalah terdiri daripada pegawai agama Jabatan Agama Islam Negeri dan pegawai masjid yang terpilih. Sesi temubual dan pemerhatian terhadap maklumat dan bahan kajian diambil, disaring dan diolah agar dapat dibuat kesimpulan awal terhadap kajian yang dilakukan ini. Hasil kajian ini diharap dapat mengembalikan kefahaman yang sebenar terhadap konsep pengimarahkan masjid seperti yang telah dicontohi oleh

---

<sup>1</sup> Mohd Nizho Abdul Rahman, PhD, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa dan Tamadun, Pusat Bahasa Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah. Email: nizho@uum.edu.my. Tel. 0194315987

Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Dalam masa yang sama perkongsian maklumat juga dapat dipindahkan kepada masjid lain yang belum pernah menerima anugerah masjid terbaik dengan tujuan sebagai panduan untuk pengimarahannya yang sepatutnya dilakukan.

**Kata Kunci:** *Kefahaman, Konsep Pengimarahannya Masjid, Masjid terpilih*

**Biadota Pembentang:**

### **Pengenalan**

Masjid merupakan sebuah institusi yang mulia di sisi Islam. Kegemilangan Islam suatu ketika dahulu adalah datangnya dari institusi masjid yang dapat melengkapkan segala keperluan hidup manusia di samping menzahirkan kekuatan dan kesepaduan umat Islam. Justeru, para sahabat r.a tidak menisiatkan waktu mereka mengimarah dan memakmurkan masjid dengan amal ibadah dan aktiviti yang menguntungkan mereka di dunia mahupun di akhirat. Apa yang diperolehi adalah ganjaran yang dijanjikan oleh Allah melalui Rasulullah S.A.W tentang kelebihan dan keistimewaan mereka yang mengimarah masjid. Mengimarah masjid adalah satu tuntutan yang perlu difahami oleh masyarakat kini khususnya pegawai-pegawai masjid tentang pengimarahannya masjid dan melaksanakan amanah yang diberi sesuai dengan tanggungjawab yang selayaknya di pikul sebagai seorang muslim. Seseorang itu perlu mengetahui perbezaan di antara mengurus masjid dengan melaksanakan tuntutan fardu Ain dan fardu kifayah seperti solat, kuliah agama, mengurus kematian, membantu mereka yang memerlukan dan mengimarah masjid dengan kaedah yang sepatutnya dilakukan seperti pembinaan dan fungsi masjid di zaman Rasulullah S.A.W sebagai pusat komuniti masyarakat. Kefahaman yang sebenar berkaitan pengimarahannya masjid penting agar masyarakat tidak keliru tentang tuntutan sebenar yang mesti dilakukan, agar ianya seimbang di antara tuntutan spritual dan material tanpa meletakkan bentuk material sahaja menjadi keutamaan. Justeru fungsi serta konsep pengimarahannya Masjid mestilah berperanan sebagai Institusi Islam yang berkembang sejak sekian lama meliputi keseluruhan tuntutan hidup manusia.

### **Definisi Masjid**

Istilah "Masjid" berasal daripada perkataan arab "masjid" atau "masjad". Dari segi bahasa ia bererti tempat sujud. Berasaskan pengertian bahasa inilah perkataan tersebut digunakan sebagai nama bagi tempat kita melakukan solat. Kerana antara gerakan

utama yang terdapat dalam solat itu adalah adalah sujud. Sujud bererti patuh dalam kategori nya yang tinggi sampai kepada tahap pengabdian. Kerana itulah "solat" disebut sebagai ibadat, iaitu suatu cara yang tertentu bagi melambangkan kepatuhan dan pengabdian seseorang muslim kepada Allah. Oleh yang demikian masjid itu membawa maksud tempat umat Islam melakukan aktiviti bagi melambangkan kepatuhan dan pengabdiannya kepada Allah. Kepatuhan dan pengabdian tidak hanya terikat kepada solat, pengajian ilmu Islam, malah merangkumi kepatuhan yang menjadi asbab kepada ketaatan kepada Allah seperti menjana ekonomi, merapatkan hubungan sosial dan berpolitik di dalamnya dengan menggunakan kaedah yang dibenarkan oleh Syarak. Oleh yang demikian nama lain bagi masjid ialah "Baitullah". Dari segi bahasa ia bererti rumah Allah. Bagaimana pun penggunaan istilah ini tidak secara hakiki. Ini kerana Allah tidak memerlukan, malah tidak boleh dikaitkan dengan rumah. Dalam Islam, ungkapan "Allah" dalam konteks seperti ini biasa dimaksudkan dengan "Masyarakat". Jadi nya yang dimaksudkan dengan "Rumah Allah" atau "Baitullah" itu ialah "Rumah masyarakat", atau dalam istilah semasa dikenali sebagai "Pusat Komuniti".(Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid, 2007)

### Definisi Imarah

Perkataan Imarah pula adalah perkataan Arab yang bermaksud memakmurkan, menghidupkan dan membangunkan. Istilah ini sering dikaitkan dengan masjid, iaitu memakmurkan, menghidupkan dan membangunkan masjid. Bagi memahami maksud memakmurkan masjid para ulamak telah menafsirkan perkataan imarah kepada dua maksud. Pertama:- Imarah membawa maksud membina, memelihara dan memperbaiki masjid sekiranya perlu. Kedua:- Mengunjungi dan melaziminya dengan solat berjamaah, jumaat dan melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh mengabdikan diri kepada Allah seperti majlis ilmu, zikir, ceramah, iktikaf, mendekati masyarakat dengan rumah Allah, mengekonomikan masyarakat dan melakukan apa sahaja yang diperlukan dalam konteks kehidupan ini (Rashid Redza 2006). Justeru tugas memakmurkan masjid adalah merupakan satu tugas dan amanah yang besar. Hanya orang bertanggungjawab sahaja mampu melakukannya. Ini bertepatan dengan firman Allah:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَسْ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

*Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tetap melaksanakan solat, menunaikan zakat dan tidak takut kepada sebarang perkara kecuali*

*Allah. Maka yang demikian mudah-mudahan mereka termasuk orang yang mendapat pertunjuk. (Surah al-Taubah : 18)*

Allah Taala telah meletakkan syarat memakmurkan masjid itu adalah mereka yang memiliki ciri-ciri orang yang beriman, orang yang tetap mendirikan solat, orang mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut kepada sesiapaupun kecuali Allah. Inilah kategori orang yang selayaknya menghidupkan dan memakmurkan masjid.

### **Tuntutan mengimarahkan masjid menurut Al-Quran dan Al-Sunnah**

Di dalam al-Quran Allah S.W.T menyatakan secara jelas tentang tuntutan mengimarahkan masjid. Bahkan terdapat ayat-ayat yang telah mengklasifikasikan orang yang sepatutnya memakmurkannya dan orang yang tidak patut memakmurkannya. Firman Allah Taala:-

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسَاجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِم بِالْكَفْرِ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ

Maksudnya:-

*Tidaklah layak bagi orang-orang musyrikin memakmurkan masjid Allah, padahal dalam masa yang sama mereka mengakui mereka sendiri kafir. Amal perbuatan mereka adalah sia-sia dan mereka kekal di dalam api neraka. (Surah al-Taubah : 17)*

Sebaliknya terdapat ayat yang menyentuh tentang tuntutan memakmurkannya secara menyeluruh dikaitkan dengan orang yang iistiqamah dan mempunyai sifat-sifat yang terpuji. Firman Allah Taala:-

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَمِمَّا يَخْشَى اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

*Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tetap melaksanakan solat, menunaikan zakat dan tidak takut kepada sebarang perkara kecuali Allah. Maka yang demikian mudah-mudahan mereka termasuk orang yang mendapat pertunjuk. (Surah al-Taubah : 18)*

Allah juga memerintah supaya memakmurkan masjid dengan mengingati, mensyukuri dan mengabdikan diri padanya. Firman Allah Taala:-

فِي بُيُوتِ الَّذِينَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ # رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ  
عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ

Maksudnya:-

*Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintah untuk dimuliakan dan disebut namaNya pada waktu pagi dan petang. Di sana terdapat orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual beli dari mengingati Allah, mereka sentiasa melaksanakan solat, menunaikan zakat. Mereka adalah golongan yang takut kepada hari (hari Kiamat) ketika hati dan penglihatan menjadi goncang. (Surah al-Nur : 36-37)*

Seterusnya terdapat ayat yang menggambarkan bahawa, Allah S.W.T menyuruh hambanya memperbetulkan niat dan memakmurkannya hanya kerana mencari keredhaan Allah semata-mata tidak yang lain. Firman Allah Taala:-

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

Maksudnya:-

*Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah untuk Allah. Maka janganlah kamu menyembah apapun di dalamnya selain Allah. (Surah al-Jin : 18)*

Ayat Al-Quran juga menjelaskan bahawa Allah hanya menerima amal perbuatan hambanya yang memakmur, menghidup dan membangunkan masjid di atas dasar ketaqwaan. Hanya mereka yang takut kepada Allah dengan melaksanakan perintah dan meninggalkan larangannya sahaja diterima. Firman Allah:-

لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ  
# أَفَمَنْ أُسِّسَ بُنْيَانُهُ عَلَى تَقْوَى مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٍ خَيْرٌ

Maksudnya:

*Sesungguhnya masjid yang diasaskan atas dasar taqwa (masjid Quba') sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya. Di dalamnya terdapat orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan Allah menyukai orang-orang yang bersih. Maka apakah orang-orang yang mendirikan masjid di atas dasar taqwa dan keredhaan Allah itu yang baik?.(Surah al-Taubah 108-109)*

Galakan dan tuntutan memakmurkan masjid samada membangunkannya atau menghidupkannya menurut al-Sunnah pula tidak terhingga banyaknya. Terdapat berbagai riwayat, antaranya:-

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ  
وَعَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ

Maksudnya:-

*Setiap kali segolongan kaum berkumpul di rumah daripada rumah-rumah Allah(masjid),membaca al-Quran, dan bertadurus di kalangan mereka, nescaya diberikan ketenangan dan mereka dicucuri rahmat (Riwayat Muslim)*

Pahala orang yang membina masjid kerana Allah akan diberi ganjaran yang besar sehingga disediakan mahligai kepadanya di syurga. Sabda Rasulullah S.A.W

مَنْ بَنَى مَسْجِدًا يَتَغَيُّ بِهٖ وَجْهَ اللَّهِ بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya:

*Barang siapa yang membina masjid kerana mengharap keredaan Allah, maka Allah akan membangunkan pula untuknya sebuah mahligai di Syurga.(Riwayat Bukhari)*

Pembinaan masjid bukan di atas dasar menunjuk-nunjuk, bermegah-megah juga akan dibina baginya rumah di Syurga. Sabda Nabi S.A.W:

من بنى مسجدا ، لا يريد به رياء ، ولا سمعة ، بنى الله له بيتا في الجنة

Maksudnya:

*Barang siapa yang membina masjid bukan di atas dasar menunjuk-nunjuk dan bermegah-magah, maka Allah akan membangunkan pula untuknya sebuah mahligai di Syurga.(Riwayat al-Tabrani)*

Kelebihan dan ganjaran kepada mereka yang membina masjid dan dihidupkan pula dengan majlis ilmu, zikir dan sebagainya akan disediakan juga mahligai di Syurga. Sabda Rasulullah S.A.W:-

مَنْ بَنَى مَسْجِدًا يُذَكَّرُ فِيهِ اسْمُ اللَّهِ بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya:

*Barang siapa yang membina masjid yang di dalamnya disebut nama Allah maka Allah akan membina baginya mahligai di Syurga. (Riwayat Ibn Majah)*

Selain itu terdapat sebuah hadith yang memberi dorongan kepada orang yang membina masjid walaupun perumpamaan yang diberikan itu tidak dapat dibayangkan dengan akal yang sihat tentang keluasannya, namun ganjaran pahala bagi orang yang membinanya adalah merupakan sebuah rumah di Syurga.

مَنْ بَنَى لِلَّهِ مَسْجِدًا وَلَوْ كَمَفْحَصِ فِطَاةٍ لَيَبِيضَ بِهَا بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya:

*Sesiapa yang membina sebuah masjid kerana Allah meskipun hanya sebesar sarang burung nescaya Allah akan membina baginya sebuah rumah di Syurga. (Riwayat Ahmad)*

Orang yang menghidupkan serta menjadikan masjid sebagai tempat atau rumahnya dalam melaksanakan amal ibadah khusus atau umum adalah mereka yang memakmurkannya, bahkan diri dan hatinya sentiasa terikat dengan masjid semasa hayatnya, itu adalah petanda orang yang beriman kepada Allah.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا رَأَيْتُمْ الرَّجُلَ يَتَعَاهَدُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

Maksudnya:

*Apabila kamu lihat seorang lelaki yang sentiasa berulang-alik ke masjid, maka hendaklah kamu bersaksi bahawa dia adalah orang yang beriman. (Riwayat Tirmizi)*

Galakan serta dorongan yang dinyatakan oleh Rasulullah tentang pengimarahannya merangkumi soal spiritual dan juga material. Maka setiap amal ibadah yang dilakukan saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Sesuai sepertimana firman Allah Taala:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ

Maksudnya:

*Barang siapa yang melakukan kebaikan walaupun sebesar biji zarah maka tetap akan mendapat ganjaran. (Surah al-Zalzalah, 7)*

## Pengimarahannya Masjid di Zaman Nabi S.A.W

Fungsi dan pengimarahannya masjid di Zaman Nabi adalah adalah sangat luas. Ini kerana masjid bukan hanya menjadi tempat solat dan ibadat semata-mata malah berfungsi sebagai pusat pentadbiran kerajaan, pusat komuniti masyarakat dan markas pentadbiran tentera. Malah fungsinya menampakkan syiar Islam yang tersebar keseluruh pelusuk dunia dan amat mengagumkan. Baginda meletakkan fungsi serta pengimarahannya ini sebagai pusat yang terunggul kepada umat Islam bagi menyelesaikan semua permasalahan hidup yang dihadapi. Rasulullah S.A.W adalah penggerak kepada para sahabat memakmurkan masjid. Jika dilihat dari sudut membangunkan masjid, bagindalah orang yang sanggup menyumbangkan segala tenaga membinanya seperti yang digambarkan dalam hadith.

فَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَنْفُضُ التُّرَابَ عَنْهُ

Para sahabat menyaksikan Rasulullah S.A.W sendiri menyalut tanah pada batu bata yang dijadikan dinding masjid. Baginda memberi kefahaman kepada sahabat tentang kelebihan dan keutamaan memakmurkan masjid. Para sahabat memahaminya bahawa rumah Allah S.W.T di bumi ialah masjid-masjid dan orang yang memakmurkannya ialah pengunjung-pengunjungnya. Sehingga orang buta pun wajib mengunjunginya selagi ia dapat mendengar azan dari masjid. Perkara ini dinyatakan oleh Baginda S.A.W:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي فَائِدٌ يَهْدِينِي إِلَى الْمَسْجِدِ فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ فَيُصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ فَرَخِّصَ لَهُ فَلَمَّا وَلى دَعَاهُ فَقَالَ هَلْ تَسْمَعُ التِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَأَجِبْ

*Abu Hurairah r.a. berkata "Telah datang kepada Nabi SAW seorang yang buta, lalu ia berkata: 'Ya Rasulullah, sesungguhnya saya tidak mempunyai tukang pimpin untuk memimpin saya ke masjid, maka Baginda beri kelonggaran baginya, tetapi setelah ia berpaling (hendak) pergi, beliau dipanggil lagi, lalu bertanya: 'Adakah engkau mendengar azan untuk solat?' lalu lelaki buta itu menjawab, 'Ya'. Sabda Rasulullah: 'Kalau begitu, hendaklah engkau datang ke masjid'." (Hadith Riwayat Muslim).*

Sahabat begitu menghormati dan menghayati kelebihan solat dan melakukan aktiviti ibadah di masjid. Sehingga ada di kalangan mereka yang sanggup mengulangi solat kerana menghendaki kelebihan (fadilat) 27 darjat apabila tidak sempat solat secara



berjamaah. Dengan demikian mereka layak mendapat pengiktirafan oleh Allah sebagai pengunjung yang setia. Mereka memahami bahawa orang yang mengunjungi masjid adalah pelawat Allah SWT. Oleh yang demikian mereka yakin bahawa menjadi hak Allah SWT sebagai yang dilawati ialah memuliakan pelawat-Nya. Dalam Hadith Qudsi Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Sesungguhnya rumah-Ku di bumi adalah masjid-masjid dan para pengunjungnya adalah orang yang memakmurkannya (Hadith Riwayat Abu Nu'aim).*

Rasulullah S.A.W menjamin syurga bagi orang yang memakmurkan masjid. Sahabat-sahabat mempraktikkannya sehingga ada yang sanggup melakukan apa sahaja seperti mengikat batu diperutnya seperti Abu Hurairah bagi menahan lapar asalkan dapat mengutip mutiara daripada Rasulullah S.A.W. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَاءَ مَسْجِدِي هَذَا لَمْ يَأْتِهِ إِلَّا خَيْرٌ يَتَعَلَّمُهُ أَوْ يُعَلِّمُهُ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya:

*Barangsiapa yang masuk ke dalam masjid(-ku) ini untuk mengajar kebaikan atau (mencari ilmu), maka ia bagaikan orang yang berjuang menegakkan agama Allah (Hadith Riwayat Ibnu Majah).*

Rasulullah S.A.W juga pernah berwasiat kepada Abu Zhar tentang orang yang solat kerana mencari keredhaan Allah akan digugurkan dosa-dosanya. Sabda Rasulullah S.A.W:

يَا أَبَا ذَرٍّ قُلْتُ لَبَيْتِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِنَّ الْعَبْدَ الْمُسْلِمَ لِيُصَلِّ الصَّلَاةَ يُرِيدُ بِهَا وَجْهَ اللَّهِ فَتَهَافَتْ عَنْهُ ذُنُوبُهُ كَمَا يَتَهَافَتْ هَذَا الْوَرَقُ عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ

Maksudnya:-

*Wahai Aba Zhar, sesesorang hamba muslim yang menunaikan solat kerana mencari keredaan Allah, maka berguguranlah dosanya sepertimana daun-daun yang berguguran dari (pokok ini) sebatang pokok (Musnad Imam Ahmad)*

Setiap galakan dan dorongan yang diberikan oleh Baginda S.A.W di praktikkan oleh sahabat. Ada di kalangan sahabat yang memohon untuk tinggal berdekatan dengan Masjid tetapi tidak diizinkan oleh Rasulullah S.A.W. Rasulullah menyatakan kelebihan

orang yang berjalan kaki ke masjid sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abu Hurairah R.A., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي الْجَمَاعَةِ تُصَعَّفُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ وَفِي سُوقِهِ خَمْسًا وَعِشْرِينَ ضِعْفًا وَذَلِكَ أَنَّهُ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ لَا يُخْرِجُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ لَمْ يَخْطُ خَطْوَةً إِلَّا رُفِعَتْ لَهُ بِهَا دَرَجَةٌ وَحُطَّ عَنْهُ بِهَا خَطِيئَةٌ فَإِذَا صَلَّى لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَيْهِ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ وَلَا يَزَالُ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاةٍ مَا انْتَهَرَ الصَّلَاةَ

Maksudnya:

*Solat berjemaah di masjid, ganjarannya melebihi daripada solat di rumah atau di kedai sebanyak 20 kali. Sesungguhnya sesiapa daripada kamu apabila mengambil wuduk dengan sempurna dan mendatangi masjid kerana hendak mengerjakan solat, maka setiap langkah yang dilangkahinya akan mendapat satu ganjaran daripada Allah S.W.T. dan menghapus daripadanya satu dosa sehinggalah dia memasuki masjid. Apabila memasuki masjid maka dia akan diberikan ganjaran dan para Malaikat akan bersalawat ke atasnya selagi dia berada di dalam solatnya. Mereka berdoa, Ya Allah! Berikanlah keampunan kepadanya. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atasnya” ( Hadith Riwayat Bukhari)*

### **Pengalaman Pengimarahannya Masjid di Beberapa Buah Negeri di Semenanjung Malaysia**

Masjid yang berjaya dimakmurkan adalah disebabkan mereka memahami hakikat bahawa masjid bukan hanya untuk meakukan ibadah khusus malah ia juga berperanan merealisasikan ibadah umum. Oleh yang demikian pengalaman beberapa masjid di semenanjung Maaysia boleh di klasifikasikan kepada beberapa perkara berikut:-

### **Pengalaman Dalam Bidang Sosial**

Mereka menjadikan masjid berfungsi sebagai tempat melahirkan individu dalam bidang agama seperti program tahfiz. Ianya sangat bersesuaian dengan masjid sebagai pusat penyebaran Islam dengan melahirkan individu pelapis bagi menyambung kerja para Nabi. Masjid juga turut berfungsi sebagai tempat mendidik masyarakat agar dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan harian supaya batas agama dapat difahami dan dihayati. Justeru, Masjid Bandar Seri Putra Bangi yang merupakan masjid qaryah merupakan salah satu masjid yang boleh dicontohi konsep pengimarahannya. Ini

kerana, masjid ini telah mendapat anugerah masjid terbaik di Selangor pada tahun 2017. Pendapatan mingguannya melalui tabung Jumaat adalah sebanyak 20 ribu ringgit. Mereka telah memanfaatkan pendapatan tersebut melalui konsep imarah yang mengambil kira pengisian dalaman dan luaran masjid. Bagi pengisian dalaman pihak masjid memanfaatkan kewangannya dengan menyediakan makanan percuma, kelas pengajian multi disiplin sama ada pengajian agama mahupun pengajian bukan agama yang boleh dimanfaatkan kepada masyarakat Islam. Tidak terhenti setakat itu sahaja, mereka juga memastikan setiap pengajian harian dan bulanan yang berjalan mesti dibuat kajian tentang keberkesannya agar ilmu yang disampaikan oleh para pengkuliah benar-benar berkesan kepada masyarakat Islam sekitarnya.

Melalui aktiviti luaran pula, mereka melebarkan konsep imarah dengan menjadikan masjid di kawasan pendalaman Selangor sebagai masjid angkat. Mereka mengaktifkan masjid tersebut dengan memberi bantuan kewangan sebanyak satu ribu sebulan dan menyediakan tenaga pengajar bertujuan memastikan masjid angkat turut dimakmurkan fungsinya. Selain itu, pihak masjid juga, menyediakan pengkuliah dan penceramah yang terkenal bagi memastikan Jemaah yang berada di sekitar masjid angkat tersebut dapat memanfaatkan ilmu disamping menarik minat mereka datang dan seterusnya mengimarahkan masjid. Masjid Bandar Seri Putra ini juga, bukan hanya memikirkan soal ummah dalam konteks semasa, namun mereka bertekad untuk menjadikan kawasan bandar Bangi sebagai bandar al-Quran.

Masjid al-Mukminun di USJ pula, memberi khidmat makan percuma, belajar Quran Tajwid percuma, *family day*, kelas PERKIM Internasional serta mengurus kematian secara percuma, malah mereka juga berkhidmat membantu pihak kerajaan untuk menyelesaikan pengurusan jenazah yang tidak dituntut. Ini menunjukkan konsep Imarah telah berjaya dilakukan oleh masjid ini kerana merangkumi aktiviti spiritual dan material. Masjid Ibrahim di Pasir Puteh Kelantan, tidak ketinggalan dalam menyediakan kemudahan kepada masyarakat melalui konsep pembukaan pejabat 24 jam sehari. Ianya bertujuan untuk memberi kemudahan serta keselesaan kepada para jemaah untuk berurusan dengan pihak masjid. Mereka juga menyediakan pusat tahfiz di bawah kelolaan masjid sesuai dengan peranan masjid sebagai tempat penyebaran ilmu Islam.

Seterusnya Masjid Kampung Tanjung Besar adalah salah satu masjid yang mendapat anugerah masjid terbaik di Pahang tahun 2016 berperanan sebagai salah satu pusat dakwah kepada orang Asli. Mereka menjadikan aktiviti dakwah sebagai aktiviti bulanan. Tanpa ada perasaan jemu ahli jawatan kuasa dan anak kariah yang terlibat sentiasa turun ke padang bagi memastikan setiap insan diseru kepada mentauhidkan Allah S.A.W. Ianya bersesuaian dengan Firman Allah Taala yang bermaksud:

*Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Muhammad dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka yang engkau serukan itu dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya dan dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk hidayah. (Surah al-Nahl, 125)*

Masjid al-Taqwa di Temerloh pula, adalah salah satu masjid yang pernah mendapat anugerah gemilang pada tahun 2017, turut mewajibkan kepada ajk mengadakan ziarah orang yang terlantar sakit dan uzur dengan menyediakan sumbangan yang sepatutnya. Ini bermakna konsep imarah masjid diperluaskan kepada menyeru masyarakat agar perihatin dengan rakan taulan serta jiran yang berada di sekitar mereka. Ini bertepatan dengan Hadith Nabi S.A.W

لا يؤمن احدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه

Maksudnya :

*Tidak sempurna iman seseorang di kalangan kamu sehinggalah ia kasih kepada saudaranya seperti mana ia kasih kepada dirinya sendiri. (Hadith Riwayat al-Bukhari)*

Seterusnya Masjid Saidina Ali Kampung Tempoyang Penjom Kuala Lipis yang turut mendapat anugerah terbaik pada tahun 2018 mempunyai keunikannya yang tersendiri bagi mengimarahkan masjid berkenaan dengan menggunakan semaksimum tenaga manusia apabila aktiviti yang dilaksanakan dilakukan dengan menggunakan tenaga dan kepakaran institusi yang berada di sekeliling mereka. Selain itu, mereka mampu menarik minat golongan muda mendekati masjid dengan mengadakan aktiviti yang boleh menarik minat golongan tersebut. Ini bertepatan dengan kata-kata Saidina Ali yang bermaksud;

*Ajarilah anak-anakmu tidak sepertimana kamu berada. Sesungguhnya kehidupan mereka tidak sama dengan zaman kamu. (Ahmad Syauqi, 2012)*

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa setiap masjid berperanan menyediakan segala keperluan dan kepentingan kepada para Jemaah yang berada dipersekitarannya. Mereka juga tidak ketinggalan menggunakan teknologi yang ada seperti e-masjid, *whatsapp*, internet dan laman sesawang masjid bagi tujuan menyampaikan mesej kepada masyarakat.

## Pengalaman Dalam Bidang Ekonomi

Masjid turut berperanan sebagai pusat membantu golongan miskin dan susah yang layak menerima bantuan sama ada mingguan mahupun bulanan. Ianya diambil daripada sumbangan orang ramai dan melalui penjana ekonomi yang dirancang dengan baik oleh mereka seperti penyediaan koperasi masjid, peralatan kahwin, catering, dewan makan dan lain-lain keperluan yang mampu memenuhi impian serta hasrat masyarakat. Salah satu masjid di kawasan luar bandar seperti Masjid Kampung Tanjung Besar seperti yang dinyatakan sebelum ini berperanan mengimarahkannya dengan mewujudkan koperasi yang mengelola ladang tebu dan sawit bagi menjana pendapatan kepada masjid tersebut. Manakala Masjid al-Taqwa pula, melaksanakan konsep pengimarahkan masjid tersebut melalui bidang ekonomi dengan menjana pendapatan melalui projek air minuman bersih maniral water (Air Gaw) dan menyediakan dewan serba guna untuk masyarakat menyewa bagi melakukan aktiviti seperti perkahwinan, hari keluarga, mesyuarat dan sebagainya. Ini menampakkan masjid mampu berperanan menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain.

Seterusnya, Masjid Bandar Seri Putera juga tidak ketinggalan menyediakan kemudahan home stay kepada para musafir. Mereka juga menyediakan *suffah* dan sewaan khemah bagi menjana pendapatan kepada masjid. Masjid Mukminun pula, menjana pendapatan dengan mewujudkan pelbagai sumber pendapatan melalui homes stay, pemilikan rumah kedai, apartmen dan juga terlibat dengan bisnes yang pelbagai. Maka setiap sumber yang dijana ini adalah bertepatan dengan suruhan dan perintah Allah. Firman Allah yang bermaksud:

*Dan katakanlah(wahai Muhammad) beramallah kamu akan segala yang diperintah , maka Allah dan Rasulnya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan nyata, kemudian kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan (Surah al-Tawbah, 105).*

Justeru, konsep imarah yang sebenar dapat direalisasikan oleh mereka dengan baik. Oleh yang demikian, masjid yang lain boleh mengambil contoh dan tauladan daripada masjid-masjid yang terpilih sebagai panduan bagi mengerakkan serta mengimarahkannya seiring dengan konsep Imarah yang mesti difahami secara meluas. Ianya akan mendatangkan manfaat kepada umat Islam itu sendiri sama ada dari sudut spiritual mahupun material. Firman Allah Taala yang bermaksud:

*Siapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah (dialah orang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin. (Surah al-Haj,32)*

### **Pengalaman Dalam Bidang Politik**

Masjid tidak salah menggunakan kaedah politik Islam bagi memastikan anak kariah bersama-sama memakmurkan masjid dengan memberikan inisiatif serta imbuhan kepada mana-mana individu yang komited serta rasa kebersamaan melakukan pengimarahkan masjid. Selain itu, kaedah ini bertujuan mengajak manusia agar mereka tertarik dan mendekati diri dengan masjid. Menurut Wikipedia Bahasa Melayu (2019) menjelaskan bahawa politik adalah satu cara untuk manusia mengkordinasikan tindakan seseorang bagi kebaikan bersama. (atau kebaikan individu). Sudah semestinya yang mengurus masjid mestilah dilakukan oleh orang yang mampu memimpin masyarakat ke arah memakmurkannya dengan program yang berlandaskan tuntutan agama Islam. Imam Mawardi (2001) pernah menyebut di dalam kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* yang bermaksud;

*Pemimpin utama adalah menjadi pengganti kenabian dalam mengawal agama dan berpolitik urusan dunia dengan agama.*

Justeru, perkara ini telah dilakukan oleh masjid-masjid yang terpilih bagi beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, sebagai contoh bagi menarik minat golongan muda mendekati masjid, pihak ajk masjid Saidina Ali Kampung Tempoyang Penjom Kuala Lipis menggunakan pendekatan semasa dengan menubuhkan kelab motor dan kelab memanah yang menjadi minat golongan remaja mendekati Masjid. Kebanyakan masjid yang terpilih mendapat anugerah masjid terbaik bagi tiga tahun kebelakangan ini seperti di Selangor, Perak, Terengganu dan Kelantan menggunakan pendekatan melalui penganjuran Karnival "Jom ke Masjid". Ianya bertujuan menarik minat orang ramai dan golongan muda ke masjid. Mereka menyediakan pelbagai inisiatif dan kemudahan kepada orang ramai bertujuan melahirkan rasa kebertanggungjawaban terhadap kepentingan mengimarahkan masjid sepertimana yang telah dilakukan di zaman Nabi S.A.W. dan para sahabat.

Seterusnya, Masjid Salam Puchung yang turut mendapat anugerah masjid terbaik pada tahun 2014 apabila menggunakan pendekatan politik yang meraikan kepelbagai kaum di kawasan itu apabila mengadakan dialog dengan masyarakat non muslim tentang isu-isu semasa dan dalam masa yang sama mereka mengadakan jamuan hari raya dengan menjemput masyarakat non muslim untuk bersama-sama meraikannya. Ini bertepatan

dengan apa yang telah diteladani oleh Nabi S.A.W apabila baginda menyelesaikan permasalahan negara dan umat dengan menggunakan institusi masjid sebagai medan untuk tujuan itu. Selain itu, dengan wujudnya tiang duta atau menyambut tetamu di dalam Masjid Nabi itu sendiri menggambarkan bahawa konsep imarah itu mencakupi seluruh keperluan hidup. Bertemu dengan duta dari luar menunjukkan konsep dan peranan pengimarah masjid adalah sangat luas di zaman itu sehingga mencakupi pelbagai bidang samada politik, ekonomi dan sosial (Sami al-Maglouth, 2010)

## Kesimpulan

Masyarakat Islam pada hari ini perlu sedar dan memahami fungsi dan peranan masjid dalam membangunkan ummah itu sendiri. Pihak berwajib juga perlu menyediakan garis panduan yang sebenar berkaitan pengimarah masjid seperti di zaman silam. Sikap hanya melihat kepada amalan lazim atau yang menjadi kebiasaan setempat bagi memakmurkan masjid perlu dikikis daripada diri umat Islam umumnya dan para pegawai yang dilantik khususnya. Ini kerana tidak terdapat sebarang faedah dan pulangan yang baik kepada umat Islam itu sendiri kecuali memahami tentang konsep imarah yang betul bagi menjayakan matlamat duniawi dan ukhrawi. Justeru, memakmurkan masjid adalah satu tuntutan dan kemestian terhadap umat Islam agar limpahan keberkatan hidup itu dapat dirasai di dunia ini dan di akhirat nanti.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim.*

*Tafsir Pimpinan al-Rahman.* (1995). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri.

*Kamus Dewan.* 1997. ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Asqalani, Ibnu Hajar (2016). *Fath al-bari fi syarh sahih al-Bukhari.* Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (2015), *Sahih al-Bukhari*, 1 j. Bayrut: Dar Fikr.

Al-Baihaqi, Ahmad Hussin Ibn Ali. (1987). *al-Sunan al-Kubro.* Beirut: Dar al-Fikr.

Abi Abdullah Hakim al-Nasaibury. (1997). *Al-Mustadrak ala al-Sahihain.* Kaherah: Dar al-Haramaiyn

- Ahmad Syauqi Ibrahim (2012). *Mawsu'ah 'Alam al-Insan Fi Dhau al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Nahdhah.
- Ibn Hanbal. Ahmad ibn Hambal. (1993). *Musnad Imam Ahmad*. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni. T.th. Sunan Ibn Majah. Jil. 1. al-Qahirah: Maktabah Isa al-Babi al-Halabi.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhamad bin Habib. (2001). *Al-Ahkam al-Sultaniyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid.(2007). *Keunggulan Masjid Di Sepanjang Zaman dalam Wacana Fiqh Malaysia*. www.fiqhmalaysia.com.
- Al-Nasaiy, Abdul Rahman Ahmad ibn Shuib (1991). *Al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din ibn Sharaf. (1994). *Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Rashid Redza Bin Hj Md. Soleh. (2006) *Pengimarahen Masjid di bulan Ramadan: Panduan Perlaksanaan*. Pembentangan Kertas Kerja Seminar Penghayatan Ramadan al-Mubarak Peringkat Negeri Melaka 1427 Hijrah bersamaan 2006. Melaka.
- Sami bin Abdullah al-Maghlouth. (2010). *Atlas Haji dan Umrah*. Jakarta: Pustaka Al-Mahira.
- Al-Tirmizi, Muhamad ibn Isa ibn Surah (1980). *Al-jami' al-sahih sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabrani, Sulaiman ibn Ahmad (1998). *Mu'jam al-kabir li al-Tabrani*. j. 5. Kaherah: Maktabah Ibnu Taimiyyah.
- Yusuf Al-Qaradhawi. (2000). *Tuntutan Membangun Masjid*. Maktabah Wahbah : Kaherah.